

POLISI INSURANS KEMALANGAN PERIBADI SMARTCOVER

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

Duti Setem Dibayar

Bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans untuk tujuan keseluruhan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan)

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran daripada **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam **Borang Cadangan Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) dan sebarang pernyataan lain yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan** dari masa penyerahan **Borang Cadangan** oleh **Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) hingga masa kontrak ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan** akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "**Pihak Syarikat**"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan daripada **Pihak Diinsuranskan** atau dalam mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan**, hanya remedi dalam Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Pihak Syarikat**.

Bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna (Insurans untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan)

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran daripada **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam **Borang Cadangan Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) dan sebarang pernyataan lain yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan** dari masa penyerahan **Borang Cadangan** oleh **Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) hingga masa kontrak ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan** akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "**Pihak Syarikat**"). Sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan daripada **Pihak Diinsuranskan** atau sebarang pernyataan yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Pihak Diinsuranskan**, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Pihak Syarikat**.

MANAKALA Pihak diinsuranskan yang disebut dalam Jadual dikepikan bersama telah membuat dengan Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P) (selepas ini dikenali sebagai "Syarikat") satu Cadangan dan Pengisytiharan yang akan menjadi asas kepada Kontrak ini dan yang dianggap tergabung di dalam ini dan telah membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual dikepikan bersama sebagai pertimbangan untuk Insurans terkandung kemudian dari ini.

DI SINI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa jika Pihak diinsuranskan mengalami sebarang kecederaan badan atau kematian yang merupakan peristiwa yang diterangkan dalam Jadual Faedah disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam ini atau semasa sebarang tempoh selanjutnya yang Syarikat mungkin menerima bayaran untuk pembaharuan tersebut, Syarikat akan membayar Pihak diinsuranskan atau jika berlaku kematian Pihak diinsuranskan, kepada penamanya sebagai wasi menurut arahan penamaan dan/atau pemegang amanah yang diwujudkan ke atas penamaan sedemikian menurut Seksyen 166 Akta Insurans 1996 dan/atau pemegang serah hak, mengikut kes, Pampasan yang ditentukan dalam Jadual Faedah jika mana-mana yang tersebut sebelumnya berlaku.

Polisi ini memberi perlindungan 24 jam di seluruh dunia termasuk untuk kecederaan badan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembunuhan dan serangan dan kecederaan badan yang disebabkan secara langsung oleh Kebakaran, Perampasan, Mogok, Rusuhan, Kekecohan Awam, pengembaraan dengan kapal terbang sebagai penumpang dalam mana-mana pesawat membawa penumpang berlesen atas penerbangan terjadual atau tidak terjadual dan ketika terlibat atau mengambil bahagian dalam sebarang sukan atas dasar amatur tidak termasuk yang ditetapkan di bawah Kecualian 6 Polisi ini.

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

Polisi ini juga ditambah untuk melindungi kematian disebabkan kemalangan, kehilangan atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh arak yang memabukkan, penyedutan gas, kematian akibat terkena kejutan elektrik, mati lemas, keracunan makanan dan minuman, serangga merbahaya (tidak termasuk nyamuk), gigitan ular dan binatang tetapi sentiasa tidak termasuk kematian, hilang upaya atau perbelanjaan perubatan daripada kesan penyakit atau sakit yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada sebarang gigitan tersebut dan bahaya semula jadi seperti gempa bumi, ribut angin, letupan gunung berapi, banjir, kilat, ombak gadang/ tsunami, hurikan, siklon dan taufan.

Syarikat akan juga membayar untuk:-

1. Belanja Kematian

Syarikat akan membayar kepada penama Pihak diinsuranskan, pemegang amanah atau pemegang serah hak, menurut kes, elaun kematian sebanyak 3% daripada jumlah keseluruhan amaun sebagai perbelanja kematian sekiranya berlaku kematian Pihak diinsuranskan disebabkan kemalangan sehingga maksimum RM3,000.00.

2. Elaun Perjalanan

Elaun Perjalanan RM200 setiap minggu boleh dibayar kepada ahli keluarga terdekat Pihak diinsuranskan (iaitu ayah, ibu, abang, kakak, isteri, suami atau anak-anak) untuk belanja perjalanan ke atau dari hospital sekiranya Pihak diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Amaun boleh dibayar maksimum ialah RM1,000 untuk setiap kemalangan.

3. Faedah Pemulihan

Sekiranya berlaku kemasukan hospital melebihi 7 hari atau lebih, jumlah tambahan akan dibayar untuk setiap kemalangan sebanyak RM1,000 sebaik keluar dari hospital.

4. Pembedahan Pergigian atau Kosmetik Pembetulan

Syarikat akan membayar balik kepada pihak diinsuranskan sehingga RM 2,000 keatas perbelanjaan tertanggung oleh pihak diinsuranskan untuk Pembetulan Pergigian atau Pembedahan Pembetulan Kosmetik yang dilakukan pada tengkok atau kepala pihak diinsuranskan, berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan, dengan syarat:-

- i) Pembetulan Pergigian dan/atau Pembedahan Kosmetik Pembetulan sedemikian disyorkan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik berlesen.
- ii) Pembetulan Pergigian dan/atau Pembedahan Kosmetik Pembetulan sedemikian dilakukan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik berlesen.

5. Belanja Penghantaran Balik

Syarikat akan membayar balik wakil penama yang sah dilantik oleh pihak diinsuranskan sehingga maksimum RM3,000 untuk belanja penghantaran balik tertanggung dalam penghantaran pulang mayat Pihak diinsuranskan ke negara asal jika kematian adalah disebabkan oleh kemalangan semasa berjalan ke negara luar daripada negara asalnya.

Polisi ini dan Jadual perlu dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau pernyataan yang mana makna tertentu telah dikaitkan dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau dalam Jadual membawa makna tertentu tersebut di tempat-tempat yang ia terdapat.

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover



Jadual Faedah

	Untuk setiap jumlah (RM)	Klasifikasi Pekerjaan dan Premium Tahunan (RM)		
		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
1) Kematian Akibat Kemalangan	10,000	5.00	6.50	11.00
2) Kecacatan Kekal	10,000	5.00	6.50	11.00
3a) Kecacatan Keseluruhan Sementara (Had untuk seminggu)	100	22.00	30.00	45.00
3b) Kecacatan Sebahagian Sementara (Had untuk seminggu)	50			
4. Perbelanjaan Perubatan (Had untuk setiap kemalangan)	500	10.00	13.00	15.00
	1,000	15.00	18.00	25.00
	2,000	20.00	26.00	35.00
	3,000	25.00	32.00	48.00
	4,000	30.00	40.00	60.00
	5,000	35.00	45.00	72.00

Amaun premium ini adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

Perlindungan dari umur 18 – 60, dengan pembaharuan sehingga 70 tahun.

Klasifikasi pekerjaan seperti berikut:-

- Kelas 1 Profesion dan pekerjaan melibatkan pekerjaan bukan kasar, kerja tadbir atau perkeranian semata-mata dalam pejabat atau di persekitaran bukan berbahaya dan sepertinya.
- Kelas 2 Profesion dan pekerjaan melibatkan kerja kasar hanya sekali-sekala apabila menyelia pekerja.
- Kelas 3 Profesion atau pekerjaan melibatkan kerja kasar.

PENGEQUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang kecederaan atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung:-

- oleh peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, kuasa tentera atau kuasa terampas.
- oleh pemerintahan tentera atau keadaan terkepung atau sebarang peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan pemerintahan tentera atau keadaan terkepung.
- oleh sebarang perbuatan mana-mana individu yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi yang mempunyai aktiviti mengarah kepada penggulingan secara paksaan mana-mana Kerajaan *de jure* atau *de facto* atau

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

mempengaruhinya melalui penganasan atau keganasan.

4. oleh sawan, hernia, sakit, penyakit atau sebarang jenis jangkitan penyakit kelamin atau parasit termasuk yang berkaitan dengan kehamilan, melahirkan anak, keguguran, pengasingan, atau sebarang komplikasinya melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, Sindrom Kekurangan Ketahanan Badan Terperoleh (AIDS), pemabukan dadah, membunuh diri atau cubaan membunuh diri (sama ada feloni atau tidak), serangan dibangkitkan, kecederaan yang dilakukan sendiri, pengumuman kehakiman, perbuatan yang menyalahi undang-undang di pihak diri Pihak diinsuranskan atau pendedahan sengaja oleh Pihak diinsuranskan kepada bahaya keterlaluan kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia.
5. semasa Pihak diinsuranskan dalam keadaan minda tak stabil.
6. semasa Pihak diinsuranskan terlibat dalam mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, memanjat batu, lumba kuda atau lari jauh berhalang, polo, sebarang jenis pemanduan lumba kereta, penerbangan persendirian dan/atau sebagai anggota aktif anak kapal penerbangan, sukan aeronautik, terjun paracut, *parasailing*, atau *hand gliding* (luncur tangan), terjun bungee, menunggang kuda, memburu, belayar, bermain ski air, selam skuba, sebarang jenis sukan ais atau sukan musim sejuk, tinju, gusti dan latihan atau melakukan sebarang bentuk seni mempertahankan diri, akrobatik atau jenis sukan sentuhan badan yang serupa melainkan kebenaran terdahulu daripada Syarikat telah diperolehi dan polisi telah diendorskan sewajarnya. Dalam apa kejadian sekalipun, sesiapa saja yang terlibat atau mengambil bahagian dalam sebarang sukan atas dasar professional tidak akan dilindungi di bawah Polisi.
7. Pihak diinsuranskan berada dalam, atau sebaik atau memasuki atau sedang turun dari sebarang jenis Pesawat atau disebabkan atau akibat dari turun atau jatuh dari Pesawat tersebut kecuali berkaitan perjalanan Pihak diinsuranskan sebagai penumpang pemegang tiket merentasi laluan udara tertentu dalam pesawat jenis standard berlesen penuh dimiliki oleh dan/atau dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan teriktiraf. Bagi tujuan Kecualian ini, Pihak diinsuranskan tidak akan dilindungi jika dia terlibat dalam apa-apa operasi teknikal lain atau pengemudian semasa dalam pesawat.
8. oleh atau disebabkan oleh atau timbul daripada penyinaran mengionkan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan bakar nuklear.
9. oleh atau timbul daripada atau akibat langsung atau disumbang oleh Sindrom Kekurangan Ketahanan Badan Terperoleh (AIDS) atau Kompleks Berkait AIDS (ARC) walau macam mana pun sindrom ini telah dijangkiti atau mungkin dinamakan.
10. oleh kecacatan fizikal atau mental yang pra-wujud, penyakit sedia ada, penyakit atau sakit yang disebabkan oleh serangga berbahaya, nyamuk, gigitan ular atau binatang dan kematian akibat dadah.
11. **KLAUSA PENGECUALIAN KERUGIAN SIBER TERHAD**
 1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
 2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - 2.1. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

- 2.4. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas;
 - 2.6. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
 4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
 5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
12. Klausula Pengecualian Pandemik
1. Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
 2. Pandemik menurut perenggan 1 merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari Tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
 3. Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan.

SYARAT-SYARAT

1. Semua faedah di bawah Polisi ini akan terampas jika terdapat sebarang gambaran yang salah atau ketidakmasukan dalam sebarang penyata atau pernyataan yang diberi kepada Syarikat untuk Insurans ini atau dalam cadangan atau dalam sebarang butir tambahan padanya atau dalam mana-mana penyata dibuat untuk melanjutkan Insurans ini atau berhubung dengan tuntutan di bawah ini atau jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberi kepada Syarikat dan kebenaran bertulisnya untuk meneruskan insurans telah didapati.
2. Sebaik Pihak diinsuranskan atau sesiapa yang bertanggungjawab bagi pihak Pihak diinsuranskan mengetahui mengenai sebarang peristiwa yang mungkin menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, notisnya akan diberi kepada Syarikat dan semua bantuan maklumat dan dokumen dalam pengetahuan atau milik Pihak diinsuranskan atau orang lain tersebut atau mana-mana orang lain bagi pihak mereka atau salah seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan berurusan dengan hal tersebut akan dengan segala penghantaran berpatutan membekal kepada Syarikat atau bagi pihak dan atas belanja Pihak diinsuranskan. Bukti lanjut tersebut (termasuk sijil perubatan dan kematian dan akuan berkanun) seperti yang diperlukan oleh Syarikat secara berpatutan akan juga dibekalkan dalam cara yang sama untuk tujuan mengesahkan sebarang tuntutan di bawah polisi.
3. Apabila terjadi sebarang peristiwa yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi, Pihak diinsuranskan akan dalam masa 2 bulan dirawat oleh pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar dan dalam masa 7 hari selepas tuntutan dibuat, akan diberi kepada Syarikat oleh dan atas belanja Pihak diinsuranskan satu laporan bertulis oleh pengamal tersebut yang menyatakan, jika

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

kecederaan, jenis dan sejauh mana kecederaan terdapat dan butir sebarang pembedahan dilakukan atau mungkin akan dilakukan dan pada amnya semua lain-lain butir sedemikian mengenai kecederaan tersebut yang mungkin diperlukan oleh Syarikat secara berpatutan. Pihak diinsuranskan akan bersetuju untuk menjalani rawatan perubatan dan pembedahan (termasuk sebarang pembedahan) yang Penasihat Perubatan bagi Pihak diinsuranskan anggap perlu. Pihak diinsuranskan akan selepas kejadian sebarang peristiwa yang tersebut sebelumnya pada setiap masa berpatutan, bersetuju menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar yang dilantik oleh Syarikat dan sekiranya berlaku kematian, Syarikat berhak atas belanjanya sendiri, membuat pemeriksaan post-mortem oleh atau dengan kehadiran pengamal perubatan terlantik seperti yang tersebut sebelumnya.

4. Telah dipersetujui bahawa Pihak diinsuranskan berumur di antara 18 dan 60 tahun pada tarikh permulaan mereka dan adalah bebas daripada kecacatan fizikal dan berada dalam kesihatan biasa.
5. Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara Pihak diinsuranskan dan Syarikat tetapi dalam apa-apa kes adalah tertakluk kepada semakan pada akhir Tempoh Insurans apabila Pihak diinsuranskan mencapai Umur Maksimum yang dinyatakan dalam Syarat ke-4 di atas.
6. **PEMBATALAN:** Syarikat boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan notis bertulis yang disampaikan kepada Pihak diinsuranskan atau dikirim ke alamat terakhir beliau seperti yang ditunjukkan dalam rekod Syarikat dengan menyatakan bila selepasnya pembatalan tersebut berkuatkuasa. Jika berlaku pembatalan tersebut, Syarikat akan memulangkan bahagian pro rata belum terperoleh mana-mana premium yang sebenarnya telah dibayar oleh Pihak diinsuranskan. Pembatalan tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang tuntutan yang dimulakan sebelumnya. Sekiranya polisi dibatalkan oleh Pihak diinsuranskan, premium terperoleh akan dikira sejajar dengan jadual kadar pendek yang digunakan oleh syarikat pada bila-bila masa pembatalan.

Kadar Tempoh Pendek

- Tidak melebihi satu bulan kalendar	25%
- Melebihi satu bulan tetapi sehingga 3 bulan	50%
- Melebihi tiga bulan tetapi sehingga 6 bulan	75%
- Melebihi enam bulan tetapi sehingga 9 bulan	90%
- Melebihi sembilan bulan	100%

7. Terma dan syarat Polisi ini sejauh mana ia mengandungi sebarang peruntukan yang perlu dipatuhi oleh atau bagi Pihak yang diinsuranskan akan sejauh mana ia boleh dipraktikkan dengan mengambil kira sifatnya, menjadi syarat duluan kepada liabiliti Syarikat di bawah ini. Dalam semua kes di mana Polisi ini terbatal atau mana-mana faedah dirampas, premium dibayar akan disimpan oleh Syarikat.
8. Syarikat tidak akan terikat dengan sebarang resit premium melainkan diberi atas borang rasmi tercetaknya. Tiada perubahan dalam terma Polisi ini dan tiada endorsan di sini atau tambahan bersama ini akan dianggap sah melainkan hal yang sama dibuat dan ditandatangani oleh Pegawai Agen Diberi kuasa atau Peguam Syarikat.
9. Semua perbezaan pendapat yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada satu Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak terlibat atau jika mereka tidak dapat bersetuju untuk satu Penimbangtara, kepada dua Penimbangtara, satu dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan Penimbangtara tersebut akan, sebelum memulakan pilihan rujukan mereka, melantik seorang Pengadil. Dalam semua hubungan lain, Penimbangtaraan adalah tertakluk kepada peruntukan berkanun yang sementara berkuatkuasa berkaitan dengan Penimbangtaraan. Melainkan dan sehingga sesuatu keputusan telah dibuat, tiada tindakan atau lain-lain prosiding undang-undang akan dimulakan berhubung sebarang tuntutan di bawah atau disebabkan oleh Polisi. Selepas tamat satu tahun daripada tarikh sebarang peristiwa yang menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, Syarikat tidak akan

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

bertanggungjawab berhubung dengannya melainkan Syarikat telah mengakui liabiliti berhubung tuntutan sedemikian atau tuntutan akan sementara waktu telah dirujukkan kepada Penimbangtaraan.

PEMBATASAN

Faedah hanya boleh dibayar apabila kematian atau kerugian berlaku atau hilang upaya bermula dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh kemalangan.

Untuk tujuan Polisi, hilang upaya bermaksud kehilangan upaya daripada mengikuti pekerjaan, perniagaan dan pencarian Pihak diinsuranskan.

Syarikat akan memberi pampasan, dengan syarat keadaan Kehilangan Upaya Kekal itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan, dan dengan sepenuhnya menghalang Pihak yang Diinsuranskan daripada terlibat dalam mana-mana jenis pekerjaan dan di mana Kehilangan Upaya Kekal itu tidak dapat dipulihkan semula.

Yuran dan Belanja Perubatan hanya akan diterima pakai untuk perbelanjaan tertanggung akibat kemalangan, berhubung dengan rawatan perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berkelayakan atau berhubung dengan pengasingan hospital atau perkhidmatan jururawat berkelayakan atau penggunaan pembalut atau untuk pemeriksaan dengan sinar-x atau untuk penggunaan bilik bedah dan/atau ambulans, atau untuk pemberian ubat atau anestetik yang ditentukan oleh pengamal perubatan berkelayakan.

Belanja perubatan hendaklah termasuk yang berikut:-

Rawatan Sinseh atau Tradisional – Syarikat akan membayar balik kos Rawatan Sinseh atau Tradisional termasuk ubat sehingga had maksimum sebanyak RM250.00 setiap kemalangan.

Yuran untuk Laporan perubatan dan/atau Laporan post-mortem – Syarikat akan membayar balik kos sebenar sepenuhnya sebagai sebahagian daripada Belanja Perubatan.

NOTIS MUSTAHAK

1. Polisi ini dan Syarat-syaratnya perlu diperiksa dan jika tidak betul, dipulangkan serta-merta untuk pemindaan.
2. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang akan menimbulkan tuntutan dibuat, notis perlu diberi dengan **SEGERA** kepada pejabat yang terdekat diikuti dengan langkah-langkah seterusnya seperti yang diperlukan oleh Syarat-syarat Polisi.
3. Semua premium mesti dibayar secara langsung kepada Syarikat. Bayaran dibuat melalui cek perlu dipalang "A/C PAYEE ONLY" dan dibuat atas nama "Liberty General Insurance Berhad".
4. **PEMBAYARAN PREMIUM TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**
Perlindungan insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium telah dibayar dan telah di terima oleh Liberty General Insurans Berhad selaras dengan Peraturan-peraturan TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN.
5. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama serta memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang telah dibeli.
6. Polisi ini adalah terjemahan dalam versi Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan tafsiran, versi dan tafsiran

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

7. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover



SKALA FAEDAH

Perlindungan	Faedah
1) Kematian	Kewangan gantirugi berdasarkan pada pilihan jumlah Amaun Yang Diinsurankan
2) Kecacatan Kekal hasil dari :	Kewangan gantirugi berdasarkan jumlah yang anda pilih seperti peratusan berikut
* Kehilangan Dua Anggota Badan	- 100%
* Kehilangan kedua belah tangan atau semua jari dan kedua-dua belah ibu jari tangan	- 100%
* Kehilangan sepenuhnya penglihatan kedua-dua mata	- 100%
* Lumpuh sepenuhnya	- 100%
* Hilang akal sepenuhnya	- 100%
* Kecederaan mengakibatkan terlantar sakit di katil secara kekal	- 100%
* Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kecacatan keseluruhan berkekalan akibat daripada terlibat atau menyertai pekerjaan atau kerjaya daripada man-mana dan setiap jenis	- 100%
* Kehilangan lengan pada bahu	- 100%
* Kehilangan lengan diantara bahu dan siku	- 100%
* Kehilangan lengan pada siku	- 100%
* Kehilangan lengan diantara siku dan pergelangan tangan	- 100%
* Kehilangan tangan pada pergelangan tangan	- 100%
* Kehilangan kaki:	
- pada pinggang	- 100%
- antara lutut dan pinggang	- 100%
- bawah lutut	- 100%
* Mata: Kehilangan	
- keseluruhan mata	- 100%
- semua pandangan dalam sebelah mata	- 100%
- pandangan pada kecuali pengamatan cahaya	- 50%
- kanta pada sebelah mata	- 50%
* Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan	- 50%
* Kehilangan empat jari	- 40%
* Kehilangan ibu jari tangan	
- kedua-dua falanks	- 25%
- satu falanks	- 10%
* Kehilangan jari telunjuk	
- tiga falanks	- 10%
- dua falanks	- 8%
- satu falanks	- 4%
* Kehilangan jari tengah	
- tiga falanks	- 6%
- dua falanks	- 4%
- satu falanks	- 2%
* Kehilangan jari manis	
- tiga falanks	- 5%
- dua falanks	- 4%
- satu falanks	- 2%
* Kehilangan jari kelingking	
- tiga falanks	- 4%
- dua falanks	- 3%
- satu falanks	- 2%
* Kehilangan metakarpus	
- pertama atau kedua (tambahan)	- 3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	- 2%
* Kehilangan ibu jari kaki	
- Kesemua	- 15%

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

oleh, akibat dari atau berhubung dengan sebarang perbuatan keganasan tanpa menghirau sebarang sebab lain atau sumbangan peristiwa serentak atau dalam sebarang urutan lain kepada kerugian.

Untuk tujuan endorsan ini, perbuatan keganasan bermaksud perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh sesiapa saja atau kumpulan orang, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana kerajaan organisasi, yang dilakukan untuk tujuan bersamaan politik, keugamaan, idelogi termasuk hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam, dalam ketakutan.

Endorsan ini juga tidak termasuk kerugian, ganti rugi, kos atau belanja dari apa saja jenis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat dari atau berhubung dengan sebarang tindakan diambil dalam mengawal, mencegah, menumpaskan atau dalam apa cara berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan.

Jika syarikat mendakwa bahawa dengan sebab kecualian ini, sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau belanja tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan sebaliknya terletak pada Pihak diinsuranskan .

Sekiranya mana-mana bahagian endorsan ini didapati tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian selebihnya kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya.

3. BONUS PEMBAHARUAN

Apabila Insurans diperbaharui, Jumlah prinsipal Diinsuranskan akan bertambah sebanyak 10% setahun (Kematian dan Kecacatan Kekal) sehingga 50% daripada Jumlah Prinsipal tanpa menghiraukan sebarang tuntutan dibuat di bawah belanja perubatan, pembedahan pergigian atau kosmetik pembetulan dan pendapatan wang tunai hospital.

4. HAD SEKATAN DAN PENGECCUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

PERLUASAN DIBENARKAN DIBAWAH POLISI

1. KEHILANGAN

Jika tempoh satu tahun sudah berlalu, Syarikat setelah memeriksa semua bukti yang terdapat dan tanpa mempunyai sebab untuk mengagak peristiwa selain daripada kemalangan telah berlaku, kehilangan Pihak diinsuranskan akan dianggap telah mengakibatkan kecederaan badan dan merupakan satu tuntutan di bawah Polisi ini. Dengan syarat jika bila-bila masa selepas tuntutan dibuat, Pihak diinsuranskan didapati masih hidup, jumlah yang dibayar oleh Syarikat dalam penyelesaian tuntutan akan dikembalikan kepada Syarikat.

2. PENDEDAHAN

Dengan syarat bahawa sekiranya Pihak diinsuranskan menanggung kecederaan akibat dari pendedahan kepada elemen-elemen akibat kemalangan terinsurans di dalam ini, maka kecederaan tambahan tersebut, penyakit atau kematian disebabkan oleh pendedahan akan dianggap sebagai tuntutan di bawah Polisi.

3. RISIKO MENUNGGANG MOTORSIKAL

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa polisi ini menjangkau untuk meliputi Pihak diinsuranskan semasa menunggang motorsikal

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

untuk tujuan peribadi atau perniagaan, dengan syarat sentiasa bahawa syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, penentuan rentak atau penyertaan Pihak diinsuranskan dalam mana-mana peraduan laju, kebolehpercayaan atau percubaan lain.

4. KLAUSA KEHILANGAN SUARA

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya Pihak diinsuranskan menyerahkan tuntutan yang dalamnya beliau telah kehilangan keupayaannya untuk bersuara secara kekal dan tidak boleh dipulihkan semula disebabkan kemalangan, tuntutan sedemikian akan dipertimbangkan selepas tamat satu tahun dari tarikh pemberitahuannya dengan syarat Pihak diinsuranskan telah mengemukakan semua bukti berkaitan kepada syarikat untuk penilaian dan pertimbangan dan dengan syarat selanjutnya Pihak diinsuranskan tidak mendapat semula keupayaan bersuaranya.

Adalah selanjutnya diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat, Pihak diinsuranskan didapati telah mendapat semula suaranya, sebarang jumlah yang telah dibayar dalam penyelesaian tuntutan akan didapatkan semula oleh Syarikat daripada Pihak diinsuranskan.

Kehilangan suara bagi tujuan Klausula ini bermaksud ketidakmampuan kekal keseluruhan untuk berkomunikasi secara lisan dan kehilangan ini boleh dibayar pada 50% daripada Jumlah Diinsuranskan.

5. KLAUSA RISIKO KERJA KAYU

Adalah di sini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini menjangkau untuk melindungi Pihak diinsuranskan semasa terlibat dalam penggunaan/pengendalian mesin kerja kayu.

NOTIS PENTING

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memaklumkan kepada **Pihak Syarikat** dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. **Pihak Diinsuranskan** yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Pihak Syarikat** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) **Unit Pengurusan Aduan**

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel : +603-2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
No. Syarikat: 200401025885
Talian Am: +603-2272 2811
Alamat: Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Laman Web: www.fmos.org.my

Polisi Insurans Kemalangan Peribadi SmartCover

c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).